

04 SEP 1999

TAHAP KESEDARAN KESIHATAN DI PAHANG MASIH RENDAH

BENTONG, 4 Sept (Bernama) -- Tahap kesedaran penjagaan kesihatan diri masih rendah terutama di kalangan penduduk kampung dan kawasan pedalaman Pahang, kata Menteri Besar Datuk Adnan Yaakob.

Beliau menasihatkan mereka mengadakan jadual pemeriksaan kesihatan di pusat kesihatan sama ada setiap tiga bulan atau enam bulan bagi sekurang-kurangnya mengetahui tahap kandungan gula atau kolestrol masing-masing.

Dengan cara ini mereka dapat mengetahui jenis penyakit yang boleh dihidapi selain daripada mengambil langkah-langkah pencegahan, katanya kepada pemberita selepas merasmikan Program Teleperubatan dan Pencegahan Penyakit Jantung di sini.

Mengenai lawatan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Pahang, Adnan berkata 40,000 rakyat dijangka berkumpul di Stadium Mini Nadi Kota, Bandar Jengka Selasa ini pada majlis Perdana Menteri bersama rakyat.

Perhimpunan itu merupakan antara aturcara lawatan Dr Mahathir ke Pahang selama dua hari, bermula Isnin ini.

-- BERNAMA

ZY MAI